

# PEKELILING NAIB CANCELOR

**Bilangan 5 Tahun 2021**

## **PEKELILING KEBENARAN KELUAR MASUK PELAJAR YANG BERADA DI DALAM KAMPUS BAGI MENDAPATKAN BARANG KEPERLUAN ATAU PERKHIDMATAN YANG MENDESAK SERTA URUSAN KECEMASAN**

### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua pelajar berkenaan garis panduan kebenaran keluar masuk pelajar yang berada di dalam kampus bagi mendapatkan barang keperluan atau perkhidmatan yang mendesak serta urusan kecemasan.

### **LATAR BELAKANG**

2. Universiti Teknologi MARA (UiTM) sentiasa memantau situasi dan perkembangan penularan pandemik COVID-19 dan mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan semua pelajar, staf dan pelawat.
3. Seperti semua sedia maklum, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah diumumkan di beberapa negeri oleh pihak kerajaan, termasuk di negeri Selangor. Sehubungan itu, pihak UiTM telah mengambil inisiatif termasuk memperketatkan prosedur operasi standard (SOP) dan garis panduan berkaitan untuk memastikan pengoperasian serta persekitaran kampus selamat dan sejahtera untuk semua warga.
4. Pihak Universiti juga amat prihatin mengenai kebajikan para pelajar secara fizikal dan psikologi susulan proses isolasi yang telah dijalankan di dalam kawasan kampus.
5. Sehubungan itu, Mesyuarat Khas Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bilangan 2 bertarikh 21 April 2021 memberi kebenaran keluar masuk pelajar yang berada di dalam kampus bagi mendapatkan barang keperluan atau perkhidmatan yang mendesak serta urusan kecemasan.

### **PELAKSANAAN**

6. Bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan para pelajar, pihak universiti bersetuju membenarkan urusan keluar masuk pelajar yang berada di dalam kawasan kampus bagi mendapatkan barang keperluan atau perkhidmatan yang mendesak serta urusan kecemasan dengan sentiasa tertakluk kepada SOP dan garis panduan yang ditetapkan.



7. Kebenaran keluar masuk ini tertakluk kepada ketetapan berikut:
- 7.1 mendapatkan dan mengisi **Borang Kebenaran Keluar Masuk Kampus** dari pejabat kolej kediaman masing-masing;
  - 7.2 mendapatkan pengesahan mengikut kategori berikut:
    - a. **Keperluan Akademik**

Rektor / Dekan / Dekan (HEP) / Timbalan Rektor (HEA) / Timbalan Dekan (HEP) di kampus/fakulti/kolej pengajian masing-masing bagi keperluan atau perkhidmatan bertujuan akademik yang mendesak; atau
    - b. **Keperluan Umum**

Timbalan Rektor (HEP) / Pengetua / Pengurus Asrama / Ketua Staf Residen Kolej di kampus / kolej kediaman masing-masing bagi keperluan peribadi yang mendesak atau urusan kecemasan.
  - 7.3 pergerakan keluar masuk kampus hendaklah mengikut jadual yang telah ditetapkan;
  - 7.4 had masa yang dibenarkan untuk pelajar keluar kampus tidak melebihi dua (2) jam;
  - 7.5 semua urusan keluar masuk pelajar hendaklah menggunakan kenderaan universiti dengan memastikan pematuhan kepada penetapan kapasiti penumpang;
  - 7.6 Staf Residen Kolej (SRK) yang bertugas perlu mengiringi pelajar keluar kampus menggunakan kenderaan universiti yang sama;
  - 7.7 SRK yang bertugas mengiringi pelajar perlu membuat pengesahan borang keluar masuk sebaik tiba di dalam kawasan kampus;
  - 7.8 semua pelajar dan SRK yang terlibat hendaklah memakai pelitup muka, membawa pensanitasi tangan, sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal dan mematuhi semua SOP semasa berada di luar kampus – amalkan 3W (*Wash, Wear, Warn*) dan elakkan 3S/3C ((*Sesak/Crowded place*), (*Sempit/Confined space*), (*Sembang/Close conversation*))
  - 7.9 sekiranya didapati pelajar pulang ke kampus menggunakan kenderaan awam, pelajar akan diarahkan untuk menjalani semula isolasi selama tempoh 10 hari;
  - 7.10 pelajar yang bergejala hendaklah memaklumkan segera kepada Pengetua/Pengurus Asrama/SRK di kolej kediaman masing-masing dan tidak dibenarkan keluar masuk kampus sehingga selesai menjalani pemeriksaan lanjut.

8. Semua pelajar yang berada di kolej kediaman hendaklah sentiasa mematuhi garis panduan ini bagi mengurangkan risiko penularan pandemik COVID-19 sewaktu urusan keluar masuk kampus berlaku.

#### TARIKH DIKELUARKAN


9. Pekeliling ini dikeluarkan pada 22 April 2021.

#### TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 22 April 2021.

#### PEMAKAIAN

11. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua pelajar Universiti Teknologi MARA dan untuk edaran dalaman sahaja.



**PROFESOR Ts. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Menjalankan Fungsi Naib Canselor

Dikelilingkan kepada:  
Ahli Majlis Eksekutif Universiti  
Penolong Naib Canselor (Kolej Pengajian Kejuruteraan)  
Semua Rektor UiTM Cawangan  
Semua Dekan Fakulti  
Pengarah Pembangunan Pelajar  
Pengarah Pusat Kesihatan  
Semua Pengetua Kolej Kediaman  
Semua Pengurus Asrama Kolej Kediaman  
Ketua Polis Bantuan UiTM  
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar  
Yang Dipertua Jawatankuasa Perwakilan Kolej  
Semua Warga UiTM

Bil. Fail : 100-HEP(PT. 6/2)  
No. Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 05/21